

13 APR 2002

Chua-Pusat

PUSAT RUNDINGAN KESIHATAN UNTUK PERBAIKI TABIAT PEMAKANAN RAKYAT

PETALING JAYA, 13 April (Bernama) -- Kementerian Kesihatan hari ini mencadangkan supaya diwujudkan sebuah pusat rundingan kesihatan bagi membantu penduduk negara ini mengenalpasti tabiat pemakanan mereka dan dalam kes tertentu beralih kepada diet yang lebih sihat.

Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng berkata beberapa pakar bidang pemakanan boleh ditempatkan di pusat seumpama itu bagi membantu para pengunjung mengenalpasti diet yang sihat dan sesuai untuk mereka.

"Di pusat ini, mereka boleh mengetahui jenis pemakanan, jumlah kalori, lemak dan kolesterol yang mereka ambil setiap hari dan mendapatkan nasihat daripada pakar-pakar bertauliah.

"Kita mahu rakyat negara ini mengamalkan tabiat pemakanan yang sihat dan pusat ini boleh membantu merealisasikan matlamat itu," katanya kepada pemberita pada sidang akhbar selepas melancarkan Bulan Pemakanan Sihat di sini hari ini.

Chua berkata idea berhubung penubuhan pusat sedemikian timbul sewaktu beliau mengikuti rombongan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Fukuoka, Jepun tidak lama dahulu.

Menurutnya, pulau itu mempunyai sebuah pusat yang sering menjadi tumpuan masyarakat setempat untuk mendapatkan pelbagai nasihat mengenai kesihatan dan tabiat pemakanan yang seimbang.

"Masalah penyakit akibat tabiat pemakanan untuk penduduk di sana juga berada pada kadar yang rendah dengan adanya pusat berkenaan dan sudah tiba masanya ia ditubuhkan di sini," katanya.

Chua berkata cadangan itu selaras dengan peningkatan penyakit-penyakit kardiovaskular sejak kebelakangan ini yang menjadi "pembunuh" nombor satu negara sejak 30 tahun lepas.

"Peningkatan penyakit-penyakit lain juga amat membimbangkan kita. (Kes) kencing manis dan tekanan darah tinggi meningkat dengan begitu banyak. Begitu juga dengan barah, angin ahmar, kegemukan (obesiti) dan lemah jantung," katanya.

Beliau berkata ini disebabkan rakyat negara ini gemar makanan yang mengandungi kandungan lemak, santan, garam dan gula yang tinggi.

Bulan Pemakanan Sihat merupakan acara tahunan yang akan diadakan pada setiap April. Ia merupakan antara program yang dirangka bersama "National Plan of Action for Nutrition Malaysia (NPANM)" (rancangan tindakan negara bagi pemakanan Malaysia) untuk mewujudkan tabiat pemakanan dan cara hidup yang sihat di kalangan rakyat negara ini.

Turut dilancarkan hari ini ialah buku masakan "Resipi Sihat, Pilihan Bijak Siri Kedua".

Siri pertama buku itu yang dilancarkan pada 1998 mendapat sambutan hangat apabila 80,000 unit berjaya dijual.

-- BERNAMA

SOP MAM RON